

07 MAY 2001

Mahathir-Kuota

PENGISIAN KUOTA BUMIPUTERA DI IPTA BERDASARKAN KEADAAN SEMASA

JITRA, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata cadangan kelonggaran kuota bumiputera di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan untuk diisi oleh pelajar bukan bumiputera adalah berdasarkan keadaan semasa.

Katanya, jumlah kuota kemasukan pelajar ke IPTA setiap tahun pelajar bumiputera dan bukan bumiputera adalah sama tetapi sekiranya pada tahun itu kuota bilangan bumiputera tidak dipenuhi, maka pelajar bukan bumiputera mungkin dibenarkan mengisi kekosongan kuota itu.

"Pada tahun ini dilaporkan berlaku kekosongan dalam kuota bumiputera dan pada tahun hadapan kalau kekosongan itu berlaku lagi, akan ditengok semula keadaannya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dan majlis dialog dengan Majlis Perwakilan Pelajar-Pelajar IPTA di kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), di Sintok dekat sini.

Dr Mahathir berkata, sekiranya pelajar bumiputera tidak dapat memenuhi kuota yang diperuntukkan itu, tempat yang disediakan itu tidak akan ditutup kepada pelajar bukan bumiputera.

Katanya, kemudahan di setiap universiti disediakan untuk sejumlah pelajar tertentu, maka jumlah keseluruhan pelajar itu harus dipenuhi walaupun kuota bumiputera tidak mencukupi.

"Jika pelajar bumiputera tidak dapat mengisi kuota mereka, kita tidak boleh tutup peluang pelajar bukan bumiputera kerana kemudahan di sesuatu pusat pengajian itu telah ditetapkan untuk sejumlah sekian banyak penuntut," katanya.

"Dan kita kena penuhi semua tempat di pusat pengajian itu kerana sekiranya tidak dipenuhi, akan berlaku pembaziran kerana kita tidak dapat melatih para pelajar kita menjadi tenaga mahir," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata sekiranya masih ada pelajar bumiputera yang layak dan berminat untuk ditempatkan di IPTA, bagi mengisi kuota tahun ini, kerajaan bersedia melakukannya, walaupun terpaksa melatih mereka dahulu.

"Itu pernah kita lakukan melalui matrikulasi, misalnya," katanya.

Dr Mahathir berasa agak kecewa dengan sikap sebilangan pelajar bumiputera itu kerana katanya: "walaupun kerajaan telah memberi peluang, masih ada sebilangan yang tidak berminat dan jangan dengan sebab itu, mereka mahu kerajaan tidak membuka peluang kepada bukan bumiputera".

Menjawab satu soalan, beliau berkata kerajaan menyedari dan menerima kenyataan mengenai kelemahan tertentu yang wujud di kalangan bumiputera, dengan sebab itulah peruntukan khas dalam bidang tertentu harus diberikan kepada mereka.

Katanya, jika kita mengamalkan prinsip yang lemah disingkirkan, kita akan dapati mereka yang tidak bernasib baik akan semakin jauh ketinggalan kerana mereka tidak mempunyai peluang untuk memperbaiki diri bagi mengejar mereka yang telah ke hadapan.

Prinsip memberi perhatian khas dalam beberapa bidang kepada bumiputera telah diterima pakai semasa kita mencapai kemerdekaan, katanya.

"Kita mempunyai peruntukan khas terhadap bumiputera kerana mereka telah didiskriminasi semasa zaman penjajahan, kerana penjajah tidak memberi mereka peluang untuk memajukan diri...dan untuk membetulkannya kembali kita perlu melakukan langkah khas yang dipanggil "affirmative action"," katanya.

Menjawab soalan mengenai cadangan pihak tertentu agar tingkatan enam dimansuhkan, Dr Mahathir berkata beliau tidak mempunyai maklumat lanjut atas alasan apa cadangan itu dibuat.

Bagaimanapun, katanya, bila ada cadangan seperti itu, kerajaan perlu mengkajinya.

Mengenai majlis dialog itu, di mana pelbagai soalan mengenai politik dan pendidikan ditimbulkan, beliau berkata dialog seperti itu menarik kerana ia membolehkan kerajaan mendengar pendapat pemimpin pelajar.

"Saya dapat mendengar pandangan mereka, yang ada antaranya berbeza dengan pandangan kerajaan, tetapi kita perlu terima pendapat generasi muda itu serta mencari jalan merapatkan jurang perbezaan pendapat itu," katanya.

Seramai 211 anggota jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menghadiri konvensyen MPP-IPTA yang bermula pada Sabtu dan berakhir hari ini.

Sebelum menghadiri majlis dialog berkenaan, Perdana Menteri telah singgah di Napoh bagi menghadiri jamuan kenduri kesyukuran anjuran Umno Bahagian Kubang Pasu yang diketuainya.

-- BERNAMA

MZM MOZ